



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF CERIAKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA
KAMPUNG BARU SUNGAI CHUA, KAJANG**

Kajang, 8 Februari 2019 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ceriakan sambutan Tahun Baru Cina menerusi sumbangan 100 hamper makanan kepada warga emas di dalam sebuah majlis khas yang berlangsung malam tadi.

Program amal tahunan ini dianjurkan oleh Parlimen bahagian Bangi bersama-sama MIDF dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran tetamu kehormat, Timbalan Menteri MITI YB Dr. Ong Kian Ming.

Semua hamper disampaikan oleh YB Dr. Ong Kian Ming bersama Ketua Divisyen Kewangan Pembangunan MIDF, Encik Azizi Hj. Mustafa di Gelanggang Bola Keranjang Sungai Chua di sini. MIDF juga telah menyumbangkan sebanyak 200 hamper kepada warga emas dan golongan yang kurang bernasib baik di Penampang, Sabah sewaktu majlis sambutan Tahun Baru Cina yang turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Datuk Darell Leiking pada malam Rabu lepas.

Para tetamu juga dihiburkan dengan aktiviti bertema perayaan seperti tarian naga, kugiran dan juga tarian tradisional. Acara amal tahunan ini adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat MIDF untuk membantu meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik sempena musim perayaan Tahun Baru Cina.

MIDF juga turut menyumbang kepada pelbagai sektor seperti pendidikan, pembangunan sukan, belia dan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik kerana program seperti ini dapat memupuk hubungan antara penduduk dan menanam semangat kekitaan di samping membantu mereka yang memerlukan.

###

Mengenai MIDF

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

IRMA MAHAMAD TAHIR

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: irmawati@midf.com.my

NOORFAZILAH REBATIN

Esekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8753

Faks: (03) 2772 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: noorfazilah@midf.com.my